

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/11/2011



• • Tun Dr Mahathir menerima cenderahati buku 'Che Det' daripada Dr Rais Yatim (kanan) selepas menyampaikan syarahan pada Majlis Syarahan Perdana Budaya 2011 di Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan.

Telusuri kerjaya Tun Mahathir

SEBUAH buku meja kopi yang memaparkan detik hebat kerjaya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dilancarkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sebagai usaha pendokumentasian sejarah pembentukan Malaysia.

Buku dwibahasa, *Che Det*, setebal 418 halaman yang menghimpunkan 468 gambar lengkap dengan keterangan gambar koleksi arkib BERNAMA dan sumber lain yang dirakam sejak Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri pada 1981 sehingga bersara pada 2003.

Pengurus projek penerbitan, Azizul Ahmad berkata, penerbitan buku *Che Det* adalah kesinambungan kepada usaha pendokumentasian sejarah negara selepas BERNAMA menganjurkan sebuah pameran selama dua bulan di Balai Seni Visual Negara

(BSVN) dengan tema '1,000 Wajah Dr Mahathir' pada 2003.

"Objektif penerbitan buku ini adalah untuk mendokumentasikan sejarah dan menghargai jasa serta sumbangan besar beliau kepada rakyat, negara dan dunia. Oleh itu, ia dihasilkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris agar dapat dibaca oleh semua," katanya pada majlis pelancaran buku berkenaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis pelancaran buku itu disempurnakan Tun Mahathir sejurus selepas menyampaikan Syarahan Perdana Budaya, Pembinaan Tamadun Budaya Masyarakat Malaysia ke Arah Pembentukan Sebuah Negara Maju, pada majlis yang turut dihadiri Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Rais Yatim.

Foto dalam buku berkenaan

diiringi 10 rencana *Era Mahathir, Demokrasi Berparlimen, Keluarga, Politik, Kebajikan Masyarakat, Media, Hubungan Antarabangsa, Pentadbiran, Negarawan* dan wawancara khas mengenai kegiatan beliau selepas bersara, pendapat berkaitan isu negara, Wawasan 2020, amanat serta harapan beliau.

Penghayatan perjalanan kerjaya Mahathir dalam buku berharga RM250 senaskah ini juga dimulakan dengan satu perspektif tulisan oleh Rais mengenai tokoh negarawan berkenaan.

"Walaupun kebanyakan buku bergambar yang diterbitkan di pasaran adalah bahan bacaan ringan, buku bergambar ini padat dengan maklumat yang meliputi tempoh perkhidmatan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-4 Malaysia," katanya.